

22 NOV 2003

Korea-Abdullah

PENDIRIAN ABDULLAH MENGENAI RASUAH TINGKATKAN KEYAKINAN PELABUR

JOHOR BAHRU, 22 Nov (Bernama) -- Pendirian tegas Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terhadap jenayah rasuah mendapat pujian banyak pihak dan akan meningkatkan lagi keyakinan pelabur asing terhadap kerajaan Malaysia, kata seorang pelabur dari Korea Selatan hari ini.

Pengarah urusan Kiswire Sdn Bhd, Lee Lie Moon berkata tindakan Abdullah mengumumkan pendirian tegasnya terhadap rasuah sebaik saja mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini mencerminkan kebencian beliau terhadap gejala itu.

"Ini berita yang amat baik bagi pelabur asing," katanya kepada Bernama hari ini sambil menyifatkan rasuah sebagai suatu amalan buruk dalam urusan perniagaan yang amat dibenci oleh pelabur asing.

Beliau berkata, pelabur Korea khususnya, akan menjadikan negara yang mempunyai paling kurang kes rasuah sebagai destinasi pilihan utama mereka berbanding negeri yang mempunyai daya penarik lain, termasuk upah tenaga buruh yang rendah.

Kiswire Sdn Bhd yang beroperasi di Pasir Gudang adalah anggota Kumpulan Kiswire dari Korea Selatan yang mempunyai kilang di semua benua. Ia merupakan antara pengeluar dawai keluli karbon tinggi terbesar di dunia, dengan jumlah keluaran keseluruhan 600,000 tan metrik setahun.

Lee berkata tindakan Abdullah mengumumkan pendirian tegasnya terhadap rasuah selepas beberapa hari sahaja memegang jawatan menunjukkan bahawa langkah membanteras jenayah itu menjadi salah satu daripada keutamaannya.

"Perdana Menteri baru ini juga menekankan tentang pentingnya pendidikan, satu lagi keutamaan beliau dan ini juga disambut baik oleh pelabur, terutama mereka yang menghasilkan produk teknologi tinggi yang mempunyai nilai tambah seperti kami, yang memerlukan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi," katanya.

Lee, yang menjadikan Malaysia sebagai kampung halaman keduanya sejak lapan tahun lepas berkata peralihan kuasa yang dirancang dengan kemas dan lancar daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah menjadi satu lagi faktor yang memberi kelebihan kepada Malaysia sebagai destinasi pelaburan berbanding beberapa negara lain di rantau ini.

"Ia menjadi bukti mengenai kestabilan politik yang wujud di Malaysia dan kami yakin kestabilan seperti ini akan berterusan memandangkan masyarakat berbilang kaum di negara ini juga hidup dengan harmoni," katanya sambil menambah bahawa kini, syarikat Korea melihat Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

-- BERNAMA

MNY SP PR